

# Sejajar dengan kawasan baru pilihanraya

# Umno akan tambah Bahagian

Oleh  
**JAMALUDIN BAKAR**

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Setiausaha Agung Umno, Datuk Mustafa Jabar berkata, Bahagian-Bahagian Umno akan ditambah sejajar dengan sempadan baru yang diputuskan oleh Suruhanjaya Pilihanraya.

Beliau menegaskan bahawa penambahan bilangan Bahagian itu boleh dibuat tanpa meminda perlembagaan parti kerana dalam perlembagaan Umno ia tidak menyebut bilangan Bahagian yang diperolehnya.

Umno kini mempunyai 114 Bahagian dan ia akan ditambah mengikut bilangan keru-

si Dewan Rakyat yang ditambah. Mengikut laporan awal, 22 kerusi lagi untuk Dewan Rakyat termasuk empat bagi Sabah.

Ini bermakna Umno akan menambah 18 Bahagian kepada 132 kerana Umno menyusun pentadbirannya mengikut kawasan Dewan Rakyat.

## Badan bebas

Antara negeri-negeri yang mendapat tambahan kerusi termasuk Johor (2), Selangor (3), Pulau Pinang (2), Kedah (2), Perak (2), Wilayah Persekutuan (2), Kelantan (1), Terengganu (1), Negeri Sembilan (1), Melaka (1) dan Perlis (1).

Tetapi perangkaan ini akan diputuskan secara muktamad oleh Suruhanjaya Pilihanraya selepas membuat kajian terperinci sebaik sahaja Parlimen me-

luluskan cadangan itu.

Datuk Mustafa menjelaskan, pihaknya menerima penyusunan semula kawasan pilihanraya Parlimen itu secara terbuka kerana Suruhanjaya Pilihanraya adalah sebuah badan bebas.

Katanya, sebarang pemecahan sempadan sudah tentu telah dikaji buruk dan baiknya dan dengan itu semua pihak hendaklah menerima syor pemecahan itu.

Suruhanjaya Pilihanraya kali terakhir menyusun semula kawasan pilihanraya itu pada tahun 1974 dengan tambahan 10 kawasan Dewan Rakyat dan 30 Dewan Undangan Negeri.

Antara alasan yang diberi untuk pemecahan kawasan pilihanraya yang baru ini ialah disebabkan bertambahnya bilangan penduduk di negeri-negeri tertentu.

Sementara itu, *Berita Harian* difahamkan pemeca-

han kawasan di Pulau Pinang mungkin banyak dilakukan di Seberang Prai kerana pertumbuhan bilangan penduduk di kawasan tersebut.

Manakala di Wilayah Persekutuan pula, sebahagian besar kawasan yang akan dipecahkan ialah kawasan pilihanraya Damansara dan Setapak.

Kawasan baru itu mungkin dipanggil kawasan Dewan Rakyat Bangsar dan Keramat kerana kedua-dua kawasan itu mengalami pertumbuhan penduduk yang tinggi.

Di Selangor pula, kawasan yang mungkin mengalami perubahan ialah kawasan Parlimen Selayang dan Shah Alam serta Petaling.

Ini disebabkan ketiga kawasan itu adalah yang paling ramai pengundi dan mengalami pertumbuhan penduduk yang pesat.